

# Sumbangan Ulama Hadramaut-Patani dalam Perkembangan Islam di Patani: Satu Sorotan Awal

**BITARA**

Volume 7, Issue 3, 2024: 285-295  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 22 August 2024  
Accepted: 24 August 2024  
Published: 30 September 2024

## [Contributions of Hadramaut-Patani Scholars to The Development of Islam in Patani: An Initial Overview]

Nurul Aimi Anis Mohd Nasir<sup>1</sup> & Napisah Karimah Ismail<sup>1\*</sup>

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA  
E-mail: nurulaimianis@gmail.com; napisah@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: napisah@ukm.edu.my

### Abstrak

Wilayah Patani kini merupakan sebahagian daripada Thailand dan pernah memainkan peranan penting sebagai pusat pendidikan Islam di rantau Asia Tenggara. Ulama Hadramaut yang berhijrah ke Patani membawa bersamanya tradisi keilmuan Islam yang mendalam serta menyumbang kepada penyebaran Islam, pembangunan institusi pendidikan dan pengukuhan identiti Islam di rantau ini. Kajian ini meneliti sumbangan ulama Hadramaut-Patani dalam perkembangan Islam di Patani dari abad ke-15 hingga abad ke-20. Kajian mengenai sumbangan dan pengaruh ulama Hadramaut di Patani kurang ditonjolkan, walaupun terdapat bukti sejarah yang menunjukkan peranan penting mereka dalam proses Islamisasi dan pembentukan budaya Islam tempatan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis sejarah kedatangan ulama Hadramaut ke Patani dan meneroka sumbangan mereka dalam bidang keilmuan, sosio-ekonomi dan politik di Patani. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan daripada sumber primer dan sekunder serta dianalisis secara deskriptif dan tematik. Kajian menunjukkan bahawa ulama Hadramaut memainkan peranan penting dalam pentadbiran politik sebagai penasihat kepada sultan dan pemimpin tempatan. Mereka juga terlibat dalam penulisan kitab, penubuhan institusi pendidikan, penyebaran ajaran Islam, serta pembangunan ekonomi melalui perdagangan dan amalan wakaf. Kajian ini menyimpulkan bahawa ulama Hadramaut memberikan sumbangan besar dalam perkembangan Islam di Patani yang mempengaruhi struktur politik, sosial dan budaya di wilayah tersebut.

**Kata kunci:** Ulama Hadramaut, Patani, Thailand, sumbangan, perkembangan Islam

### Abstract

Patani province is now part of Thailand and once played an important role as a center of Islamic education in the Southeast Asian region. The Hadramaut scholars who migrated to Patani brought with them a deep tradition of Islamic scholarship and contributed to the spread of Islam, the development of educational institutions and the strengthening of Islamic identity in the region. This study examines the contribution of Hadramaut-Patani scholars to the development of Islam in Patani from the 15th to the 20th centuries. Studies on the contribution and influence of Hadramaut scholars in Patani have been less prominent, although there is historical evidence that shows their important role in the process of Islamization and the formation of local Islamic culture. The objective of this study is to analyze the history of the arrival of Hadramaut scholars to Patani and explore their contributions in the fields of knowledge, socio-economics and politics in Patani. The methodology of

this study uses a qualitative approach with a historical research design and content analysis from primary and secondary sources and is analyzed descriptively and thematically. The study shows that Hadramaut scholars play an important role in political administration as advisors to the sultan and local leaders. They are also involved in writing books, establishing educational institutions, spreading Islamic teachings, and economic development through trade and the practice of waqf. This study concludes that Hadramaut scholars made significant contributions to the development of Islam in Patani, influencing the political, social and cultural structures of the region.

**Keywords:** Scholars of Hadramaut, Patani, Thailand, contributions, development of Islam.

**Cite This Article:**

Nurul Aimi Anis Mohd Nasir<sup>1</sup> & Napisah Karimah Ismail. (2024). Sumbangan Ulama Hadramaut-Patani dalam Perkembangan Islam di Patani: Satu Sorotan Awal [Contributions of Hadramaut-Patani Scholars to The Development of Islam in Patani: An Initial Overview]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 285-295.

## Pengenalan

Hadramaut yang terletak di selatan Yaman, terkenal sebagai pusat ilmu dan ulama yang berpengaruh. Para ulama dari Hadramaut bukan sahaja menyebarkan ilmu agama Islam di tanah air mereka, tetapi juga merantau ke pelbagai pelusuk dunia, termasuk ke Patani, yang kini merupakan sebahagian daripada Thailand (I. Walker. 2013). Menjelang abad ke-15, Patani telah menjadi pusat utama penyebaran Islam di Kepulauan Melayu. Rangkaian ulama Patani, terutamanya mereka yang berasal dari keturunan Hadramaut, memainkan peranan penting dalam pengislaman wilayah tersebut serta mempengaruhi masyarakat Melayu-Islam tempatan dalam budaya dan pemikiran. Wilayah ini bukan sahaja menjadi tumpuan bagi pedagang, penguasa, dan pelancong dari pelbagai negara, tetapi juga menarik minat ulama dari Hadramaut, satu kawasan di Yaman yang terkenal dengan tradisi keilmuan Islam yang kuat, khususnya dalam bidang fiqh, tasawuf, dan dakwah (Latifah Abdul Latiff 2014). Ulama Hadramaut membawa bersama mereka ajaran Mazhab Syafi'i serta pendekatan tasawuf yang harmonis dengan budaya tempatan, menjadikan mereka pengaruh yang signifikan dalam membentuk amalan dan pemikiran Islam di Alam Melayu (Adli et al, 202).

Menurut Syed Farid al-Attas (1997), adalah satu keperluan untuk membina pendekatan yang lebih holistik dalam kajian sejarah Hadramaut dan diaspora Hadramaut yang melibatkan pelbagai disiplin ilmu dan pengaruhnya dalam masyarakat Melayu serta pengaruh Islam di Nusantara. Ini kerana komuniti Arab Hadramaut mempunyai peranan penting dalam proses Islamisasi di kawasan Asia Tenggara (Imam Subchi 2019). Penghijrahan masyarakat Hadramaut ke lokasi-lokasi strategik seperti Patani, Kedah, Palembang dan Aceh telah menghasilkan pembentukan komuniti keilmuan Islam yang dinamik (Farid & Nurulwahida 2014). Justeru, menerusi artikel ini, kajian-kajian terdahulu ditinjau bagi menyelongkar sejarah kedatangan ulama Hadhramaut ke rantau alam Melayu, khususnya ke Patani. Seterusnya meninjau peranan dan pengaruh ulama Hadramaut secara menyeluruh, terutama dalam pembentukan budaya keilmuan dan sosial masyarakat Muslim tempatan termasuk dalam bidang pendidikan, keagamaan, politik dan sosial.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### Sejarah Kedatangan Ulama Arab Hadramaut ke Alam Melayu

Ulama dari Hadramaut adalah ilmuwan Islam yang berasal dari Yaman. Mereka sering kali memiliki gelaran ‘Sayyid’ dan mengaku memiliki salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW, khususnya dari garis keturunan Hussain, cucu Nabi Muhammad SAW. Asal-usul masyarakat Hadramaut di Nusantara sering dikaitkan dengan jalur keturunan Sayyid Ahmad bin ‘Isa al-Muhajir, seorang tokoh Ahl al-Bayt yang berhijrah dari Basrah ke Hadramaut pada abad ke-9 Masehi. Keturunan Ba’alawi yang berasal daripada jalur ini telah menyumbang kepada penyebaran Islam di Nusantara dengan menggabungkan adat tempatan bersama ajaran Mazhab Syafie dan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah (Syed Mohd Jefri 2021).

Migrasi mereka ke Nusantara berlaku secara berperingkat, bermula pada abad ke-11 hingga abad ke-20 dengan peningkatan mendadak pada penghujung abad ke-19 akibat konflik politik di Yaman, seperti penyatuhan Yaman Utara dan Selatan (Mandal 2011). Penghijrahan golongan Arab Hadramaut juga berlaku disebabkan pergolakan yang berlaku di Jazirah Arab sekitar abad ke-15. Pada era tersebut berlaku ketidakstabilan politik yang disebabkan oleh perebutan kuasa Dinasti Rasulid (Brown 2009). Selain itu, para pedagang Hadramaut juga telah menghadapi tekanan daripada kuasa-kuasa maritim dari Eropah seperti Portugis dan Uthmaniyyah yang menjelaskan keadaan politik di Hadramaut (Clarence-Smith 2009). Penghijrahan golongan Arab Hadramaut ke Asia Tenggara bukan sahaja dipengaruhi oleh keadaan politik di tanah air mereka tetapi juga disebabkan peluang dan kestabilan politik yang wujud di Asia Tenggara pada masa itu. Mereka juga lebih diterima dan diraikan oleh kesultanan-kesultanan Islam di Asia Tenggara kerana status mereka yang mulia.

Selain faktor politik, keadaan ekonomi di Hadramaut seperti kelaparan dan kekurangan sumber turut mendorong perpindahan ke Nusantara. Latifah Abdul Latiff (2014) menjelaskan bahawa Singapura menjadi titik utama migrasi komuniti ini sebelum mereka meluaskan jaringan ke Tanah Melayu. Tekanan penjajah Belanda turut menyebabkan penghijrahan beransur-ansur masyarakat Hadramaut ke wilayah lain seperti Tanah Melayu (Farid & Nur wahidah 2014).

Permulaan hubungan golongan Arab Hadramaut ke Patani sudah berlangsung sejak abad ke-7 lagi dan saluran migrasi masyarakat Hadramaut ke Nusantara pula banyak berkait dengan aktiviti perdagangan dan penyebaran ilmu. Perdagangan menjadi medium utama yang menghubungkan mereka dengan masyarakat tempatan, terutamanya antara abad ke-13 hingga abad ke-17. Laffan (2016) menyatakan bahawa pedagang Hadramaut membawa barang mewah seperti kain dan rempah dari Timur Tengah dan India, serta hasil bumi Nusantara seperti lada dan kopi ke pasaran global. Mereka mula berhubung dengan pelabuhan-pelabuhan utama di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Patani. Pada ketika itu wilayah Patani merupakan sebuah pelabuhan perdagangan penting yang menghubungkan China dengan India dan Arab.

Aktiviti ini bukan sahaja memperkuuh hubungan ekonomi, tetapi juga menjadi landasan bagi penyebaran Islam. Komuniti Hadramaut turut mempengaruhi struktur pentadbiran tempatan. Kedatangan mereka memperlihatkan peranan penting mereka sebagai

diplomat, pedagang dan pemerintah serta menyumbang kepada pembangunan institusi diplomatik dan ekonomi. Walaupun populasi Hadramaut adalah kecil, pengaruh, namun mereka kekal signifikan, terutama dalam badan diplomatik dan institusi budaya (Mandal 2014).

Pandangan mengenai kedatangan Islam melalui golongan Arab Hadramaut di Patani, dapat ditelusuri pada teori yang menyatakan bahawa penyebaran Islam di wilayah ini dipengaruhi oleh penghijrahan dan aktiviti perdagangan oleh para pedagang Arab dari Hadramaut. Setelah itu, kerajaan Islam Patani telah mencapai zaman kegemilangannya sebagai sebuah kerajaan yang kaya dan berkuasa di bawah pemerintahan Sultan Ismail Shah (w.1564) dan Sultan Muzaffar Shah (1530-1564M). Kedua-dua sultan ini berjaya menjadikan pelabuhan Kerisik sebagai salah satu pelabuhan utama dan pusat perdagangan terpenting di rantau ini (Campbell 1996).

## **Peranan dan Sumbangan Ulama Hadramaut di Patani**

Ulama Hadramaut memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah dan perkembangan masyarakat Patani dengan memberikan sumbangan besar dalam bidang pentadbiran politik, sosio-ekonomi dan intelektual. Mereka tidak hanya menyebarkan ilmu Islam, tetapi juga membantu dalam memajukan ekonomi melalui perdagangan dan kepimpinan dalam pentadbiran.

### ***Politik dan Pentadbiran***

Ulama Hadramaut mempunyai hubungan rapat dengan golongan istana dan pemerintah tempatan di Patani. Hal ini dapat dilihat apabila sesetengah dari mereka ada yang berkahwin dengan kerabat diraja Patani. Selain itu, tempat kelahiran Syeikh Daud al-Fatani iaitu di persekitaran istana Sultan Patani di Kerisik membuktikan lagi hubungan erat antara keluarga ulama Hadramaut dengan sultan (Ahmad Sharifuddin et. al 2020)

Golongan ulama Hadaramaut ini telah dilantik menjadi penasihat kepada hal ehwal Islam kepada sultan Patani secara turun temurun dan diberi gelaran sebagai ‘Faqih’ yang bermaksud orang yang berilmu. Mereka juga memberikan nasihat dan panduan dalam hal-hal politik. Peranan mereka sebagai penasihat ini membantu dalam memperkuatkan kedudukan Islam dalam struktur pemerintahan dan politik tempatan. Ulama Hadramaut sering kali menjadi rujukan dalam hal-hal berkaitan dengan hukum dan moral. Mereka berperanan sebagai penasihat kepada pemimpin tempatan dan masyarakat dalam membuat keputusan yang berlandaskan prinsip Islam (Noor Farhanah et. al 2019)

Ulama Arab Hadramaut di Patani telah memberikan sumbangan besar dalam bidang politik dengan memperkenal dan menyebarkan undang-undang Islam. Mereka terlibat secara langsung dalam proses pembentukan undang-undang dan sering dijadikan rujukan dalam hal-hal berkaitan pentadbiran dan keadilan. Kajian Rohanee Machee dan Abdul Basir Mohamad (2014) menunjukkan bahawa undang-undang keluarga Islam telah diserap secara berperingkat dalam kehidupan masyarakat Patani sejak pemerintahan Pho Khun Ram Khan Heng semasa zaman Sukhothai.

Dalam konteks yang lebih moden, ulama Hadramaut juga terlibat dalam gerakan-gerakan nasionalis yang menentang penjajahan. Mereka menggunakan pengaruh mereka untuk menggalakkan masyarakat tempatan bangkit menentang penjajahan dan memperjuangkan kemerdekaan serta hak-hak mereka. Diriwayatkan juga bahawa Syeikh Daud al-Fatani turut bersama-sama melibatkan diri dalam perperangan yang berlaku antara Patani dan Siam setelah beberapa tahun beliau menaburkan bakti mengajar di tanah kelahirannya. Perperangan yang berlaku menyebabkan tentera Patani terpaksa berundur ke Terengganu kerana menerima asakan yang hebat daripada pihak Siam (Wan Mohd Shaghir 1996; Muhammad Shahrin & Khazri Osman 2022)

### ***Sosio-ekonomi***

Kehadiran ulama Hadramaut juga membantu membina jaringan sosial dan ekonomi di Patani. Mereka sering kali berhubungan dengan ulama dan cendekiawan lain di seluruh Nusantara yang memperluas pengaruh dan kerjasama dalam pelbagai bidang (Noor Farhanah et al. 2019).

Dalam sektor perdagangan, golongan Arab Hadramaut di Patani aktif dalam pembangunan ekonomi terutama dalam perdagangan maritim. Mereka mengendalikan rangkaian perdagangan yang luas yang menghubungkan Patani dengan pelabuhan-pelabuhan lain di Asia Tenggara dan juga Timur Tengah. Kepakaran mereka dalam perniagaan dan jaringan perdagangan antarabangsa telah memberi sumbangan besar kepada ekonomi tempatan (Syed Muhd Khiruddin 2009).

Selain itu, mereka juga terkenal dengan amalan mewakafkan sebahagian daripada kekayaan mereka untuk tujuan kebaikan. Pelaburan dalam wakaf ini termasuk pembinaan masjid, sekolah dan kemudahan sosial lain yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan (Clarence-Smith 2009). Wakaf sering digunakan untuk membina dan menyelenggara masjid yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga pusat komuniti untuk aktiviti sosial dan pendidikan. Di Patani, beberapa masjid yang dibina melalui dana wakaf oleh masyarakat Hadhrami telah menjadi simbol penting dalam komuniti Muslim tempatan.

Masyarakat Hadhrami juga banyak melabur dalam sektor pendidikan melalui wakaf. Ini termasuk pembinaan sekolah-sekolah agama (madrasah) dan penyediaan biasiswa untuk pelajar miskin. Dana wakaf digunakan untuk membayar gaji guru, menyediakan buku teks, dan menyelenggara bangunan sekolah. Wakaf juga digunakan untuk menyediakan pelbagai bentuk kebaikan sosial seperti bantuan kepada keluarga miskin, penyediaan makanan kepada yang memerlukan dan bantuan perubatan. Ini membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Salah satu bentuk pelaburan wakaf yang penting ialah dalam harta tanah. Tanah yang diwakafkan sering disewakan dan hasil sewa ini digunakan untuk membiayai pelbagai projek komuniti. Contohnya, hasil sewa tanah wakaf boleh digunakan untuk membiayai pembinaan infrastruktur seperti jalan raya atau pusat kesihatan. Amalan ini bukan sahaja memperkuuh ekonomi tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial di Patani.

Selain berdagang dan mewakafkan harta mereka, ulama Hadramaut juga aktif dalam kegiatan dakwah. Mereka berusaha untuk memperkuatkan iman masyarakat dan mengajarkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari. Ini membantu membentuk masyarakat yang lebih beretika dan berakhhlak (Noor Farhanah et. al 2019). Ulama Hadramaut tidak hanya membawa ajaran Islam, tetapi juga tradisi dan budaya mereka. Ini termasuk cara beribadah, amalan sosial, dan adat resam yang berkaitan dengan Islam. Pengaruh ini memperkaya budaya Islam di Patani dan menjadikannya unik.

Golongan ulama ini juga memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial dan budaya masyarakat Patani. Mereka dihormati bukan sahaja sebagai pendakwah tetapi juga sebagai pemimpin masyarakat. Hal ini mencerminkan betapa mendalamnya pengaruh ulama Hadramaut dalam membentuk identiti dan budaya Islam di Patani.

### ***Perkembangan Intelektual***

Dalam bidang intelektual, para ulama Arab Hadramaut banyak menyumbang kepada penulisan kitab, pembentukan institusi pendidikan Islam dan pembentukan aksara jawi serta perkembangan Mazhab Syafi'ie. Terdapat banyak karya mereka dalam bidang agama yang memberi kesan kepada perkembangan intelektual di Patani. Mereka menulis kitab-kitab dalam bahasa Arab yang kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menggunakan aksara Jawi.

#### a. Penulisan Kitab

Ulama Hadramaut terkenal dengan karya-karya mereka dalam bidang agama yang banyak memberi kesan kepada perkembangan intelektual di Patani. Dalam bidang penulisan kitab, ulama berketurunan Arab-Hadramaut seperti Sheikh Daud al-Fatani dan Sheikh Ahmad al-Fatani banyak menghasilkan karya penting dalam bahasa Melayu dengan menggunakan aksara jawi. Pemilihan bahasa dan jenis tulisan dilakukan kerana para ulama ini mahu identiti Islam dan Melayu dipelihara dan diterima dalam setiap keadaan. Tambahan lagi, penjelasan yang jelas melalui karya-karyanya membantu masyarakat Patani untuk memahami Islam dengan lebih baik (Adli et. al. 2021). Kitab-kitab ini meliputi pelbagai disiplin ilmu agama seperti fiqh, tasawuf, dan tafsir al-Quran. Penulisan kitab-kitab ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan utama di Patani tetapi juga di seluruh Nusantara.

Antara karya penulisan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani ialah kitab *Abniyatul Asma' wa al-Af'al*. Kitab ini mempunyai 24 muka surat yang membincangkan tentang tatabahasa Arab dan digabungkan dengan *Risalah al-Fataniyyah*. Teks ini menekankan tentang asas pembelajaran bahasa Arab, lebih-lebih lagi untuk masyarakat Muslim di Patani. Selain itu, karya *Al-Fatawa al-Fataniyyah* yang merupakan himpunan jawapan daripada Syeikh Ahmad sebagai maklum balas beliau terhadap segala persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat Muslim tanah Melayu mengenai persoalan agama.

Berdasarkan penulisan kitab ini menunjukkan bahawa, meskipun Syeikh Ahmad lebih banyak mengajar ilmu di Haramain, beliau masih lagi gigih untuk menyebarkan ilmu di kepulauan Nusantara khususnya di Patani. Selain itu, penulisan kitab ini ditulis dalam tulisan Jawi yang terus menerus digunakan oleh orang Melayu sehingga ke pertengahan kurun ke-

20, apabila ratusan kitab agama Islam telah dihasilkan untuk memenuhi tradisi pengajian secara pondok yang ditubuhkan di merata pelosok Asia Tenggara selaras dengan tersebar luasnya penganut Islam (Syed Salim 2018).

Penulis kitab ini tidak hanya menulis tentang hukum Islam, tetapi juga mengintegrasikan nilai-nilai budaya dan pemikiran tempatan ke dalam karya, sehingga menghasilkan karya yang relevan dan bermanfaat bagi masyarakat Melayu. Dengan demikian, pengaruh keturunan Hadramaut ini dapat dilihat dalam cara penulisan, tema, dan pendekatan yang digunakan dalam karya fiqh Melayu yang mencerminkan perpaduan antara tradisi Islam dan budaya setempat (Mohd Puaad et. al 2019).

Selain itu, penulisan kitab oleh ulama Hadramaut di Patani biasanya dimulakan dengan tahmid (pujian kepada Allah) dan diakhiri dengan doa. Struktur penulisan mereka sering kali tidak sistematik, tetapi kaya dengan isi dan pengajaran. Mereka juga menggunakan pendekatan yang mengaitkan ajaran Islam dengan konteks sosial dan budaya masyarakat Melayu, menjadikan karya-karya mereka relevan dan mudah diterima (Iin Saputra et. al 2024).

#### b. Pembentukan Aksara Jawi

Penggunaan aksara Jawi oleh ulama Hadramaut dalam penulisan kitab dan dokumen-dokumen agama turut memberi impak besar dalam mempopularkan aksara tersebut di Patani. Mereka menggunakan aksara Jawi untuk menyampaikan ajaran-ajaran Islam dan pengetahuan lain, menjadikannya bahasa tulisan utama di kalangan masyarakat Melayu di Patani. Ini memperkuatkan lagi penggunaan aksara Jawi dalam bidang pendidikan dan pentadbiran Islam.

Pengembangan aksara Jawi juga merupakan sumbangan besar ulama Arab-Hadramaut. Mereka mengadaptasi dan memperkaya aksara Jawi untuk digunakan dalam penulisan karya-karya agama dan pendidikan, menjadikan aksara Jawi sebagai medium utama dalam penyebaran ilmu di Patani dan kawasan sekitarnya (Iin Saputra et. al 2024).

#### c. Penubuhan Institusi Pendidikan

Pada era ini juga, hubungan Patani dengan golongan Hadramaut telah diperkuatkan melalui kedatangan para ulama Hadramaut yang membawa ajaran Islam yang lebih mendalam ke Patani. Salah seorang daripada pedagang dari Arab Hadramaut iaitu Syeikh Uthman al-Yamani, juga dikenali sebagai Uthman ibn Abdurrahman al-Yamani. Beliau merupakan sorang ulama fiqh dan tasawwuf dari Yaman. Beliau disebutkan menjadi ejen tunggal bagi perdagangan eksport dan import di Patani. Dari keturunan beliau inilah dipercayai merupakan orang pertama yang memperkenalkan dan mempelopori pendidikan pondok di Kuala Rekah, Patani (Miss Suraiya 2020; Imam Subchi 2019). Sumbangan ulama Hadramaut dalam bidang pendidikan amat ketara dengan penubuhan masjid, sekolah dan madrasah. Mereka mendirikan institusi-institusi pendidikan yang mengajarkan ilmu Islam kepada masyarakat setempat untuk membantu meningkatkan tingkat pendidikan di komuniti tempatan (Syed Alidin 2011).

Menurut Mohd. Zamberi (1993) pusat pengajian Islam di Patani dan kegiatannya pada masa tersebut adalah di istana sultan. Kenyataan beliau turut diperkuatkan lagi dengan

kewujudan Masjid Sultan Muzaffar Shah atau Masjid Pintu Gerbang yang dibina di kampung Kerisik pada 887H/1472M (Masakaree & Nik Muhammad 2020). Selain itu, para pedagang dan ulama Hadramaut yang telah tiba di Patani pada awal abad ke-15 juga telah membina masjid sebagai pusat utama penyebaran Islam.

Selain masjid, masyarakat Islam Patani telah diperkenalkan dengan sistem pendidikan Islam iaitu pondok. Sistem pendidikan pondok pertama kali dimulakan di Kampung Sena oleh Fakih Wan Musa bin Wan Muhammad Salih al Laqhi pada separuh kedua abad ke-16. Beliau juga merupakan seorang ulama yang berketurunan Hadramaut dari jalur Syeikh Ibrahim al-Hadhrami (Ahmad Fathy al-Fatani 2001).

Seterusnya, pada awal abad yang ke-17, anak saudaranya Wan Husain Snawi telah membuka sebuah pondok di Kampung Telok Manok dan muncul pula satu lagi pondok di Kampung Pauh Bok pada penghujung abad ke-17M dan berterusan hingga hingga abad ke-18. Di pondok ini telah diajar dengan pelbagai disiplin ilmu Islam, termasuk tafsir, hadis, fiqh, dan tasawuf. Melalui pengajaran ulama berketurunan Hadramaut ini, ramai pelajar yang mendapat pendidikan agama yang mendalam (Noor Farhanah et. al 2019).

Institusi-institusi ini menjadi pusat pendidikan utama yang melahirkan ramai cendekiawan dan ulama di Patani dan wilayah sekitarnya. Pada awal abad ke-19, Patani menajdi pusat pengajian bagi pelajar Islam sebelum menyambung pengajian ke Timur Tengah khususnya di Haramain (Hasan Madmarn 2002). Institusi pendidikan ini telah melahirkan ramai ulama terkenal seperti Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas (m. 1864) dan Syeikh Abdul Rahman bin Abdul Mubin Pauh Bok al Fatani (m.1780-an).

#### d. Perkembangan Mazhab Syafi'ie

Menurut Campbell (1996) ulama Arab Hadramaut telah menjadi sumber kepada penyebaran aliran Mazhab Syafi'ie kerana Hadramaut merupakan sebuah wilayah beraliran Syafi'iyyah. Ada yang berpendapat bahawa kedatangan Islam ke kawasan Patani juga dikatakan bermula dari Champa, tapi kenyataan ini ditolak oleh S.Q Fatimi kerana aliran yang dibawa dari Champa itu adalah bermazhab Syiah sedangkan Islam yang wujud di Patani merupakan Islam yang bermazhab Sunni dan beraliran Fiqh mazhab Syafi'i. Aliran mazhab ini menjadi satu kepentingan dalam masyarakat Patani untuk membentuk sebuah komuniti Islam beraliran Ahli Sunnah wal Jama'ah.

Hal ini juga boleh dilihat melalui karya-karya yang telah dihasilkan oleh ulama berketurunan Hadramaut ini seperti *Hadiqatul Azhar War-Riyahin* karya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Kitab ini mengupas tentang pelbagai isu khususnya sejarah Islam, kepercayaan, perjalanan hidup Nabi Muhammad s.a.w, sejarah empat pengasas sekolah Sunni serta persoalan dan jawapan isu-isu agama oleh Imam Al-Syafi'i. Selain itu kitab, *Jamanat al-Tauhid* dari penulis yang sama juga menegaskan bahawa Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani bermazhab Syafi'ie dalam fiqh, Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam aqidah dan bertariqat dengan Tariqat Syatariyah dalam tasawwuf (Adli Yaacob 2021)

Secara keseluruhannya, ulama Arab Hadramaut memberikan sumbangan besar dalam perkembangan intelektual di Patani melalui penulisan kitab, penubuhan institusi pendidikan, penyebaran aksara Jawi dan ajaran aliran mazhab Syafi'i. Sumbangan mereka ini tidak hanya

memajukan ilmu agama di Patani tetapi juga memperkuatkan identiti Islam di rantau Nusantara.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini meneliti sejarah kedatangan dan sumbangan ulama Arab Hadramaut di Patani dari abad ke-15 hingga abad ke-20. Para ulama ini memainkan peranan penting dalam penyebaran dan perkembangan Islam di Patani. Mereka tidak hanya memperkenalkan ajaran Islam, tetapi juga terlibat secara aktif dalam pembentukan struktur politik dan sosial masyarakat tempatan serta membentuk jaringan intelektual dan hubungan transnasional dalam pembentukan identiti Islam di rantau ini. Peranan dan sumbangan mereka jelas dilihat dalam aspek perkembangan intelektual, sosio-ekonomi serta politik dan pentadbiran di wilayah Patani.

## Rujukan

- A. Teeuw & D.K. Wyatt. 1970. *Hikayat Patani: The Story Of Patani*. Springer: Berlin.
- Abdul Manan, Fadhlur Rahman Armi & Wan Yunil Amri. 2022. The Expansion of Islam in Patani, South Thailand: A Historical Analysis. *Journal of Al-Tamaddun*, 17 (1): 85-95.
- Adli Yaacob, Solehah Yaacob, Hakimah Yaacob & Bahruddin Yaacob. 2021. Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zain Bin Mustafa Al Fatani: Peranan Dalam Bidang Politik Dan Pendidikan Di Alam Melayu Abad Ke 20. *International Journal Of Law, Government And Communication* 6(26): 168-192.
- Adli Yaacob. 2021. Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris Al Fatani: Tokoh Ulama Nusantara Abad Ke 19: Riwayat Hidup dan Peranannya dalam Bidang Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16):107-128.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 2001. *Ulama besar dari Patani*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Brown, R.A. 2009. The Decline Of Arab Capitalism In Southeast Asia. Dlm. Ahmed Ibrahim Abushouk Hassan Ahmed Ibrahim(pnyt) *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia*, Brill: London.
- Campbell, S. 1996. The Distribution of -at and -ah Endings in Malay Loanwords from Arabic. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 152 (1): 23-44.
- Clarence-Smith, W. G. 2009. Entrepreneurial Strategies Of Hadhrami Arabs In Southeast Asia, C. 1750s–1950s. Dlm. Ahmed Ibrahim Abushouk Hassan Ahmed Ibrahim(pnyt) *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia*, hlm 135-158. Brill: London.
- Farid Mat Zain & Nurulwahidah Fauzi. 2014. Ulama Arab di Tanah Melayu: Satu Analisa Pada Awal Abad Ke-20. *Religi: Jurnal Studi Agama-agama*, 10(2): 184-203.
- Hasan Madmarn. 2002. *Pondok dan Madrasah di Patani*. 2nd ed. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iin Saputra, Fradini Briliyandra & Syahpawi. 2024. Perkembangan dan Pelaksanaan Lembaga Wakaf di Negara Sekuler (Singapura dan Thailand). *Jurnal Ilmiah Multidisiplin* 2(3): 118-122.
- Imam Sunchi. 2019. The History Of Hadrami Arabic Community Development In Southeast

- Asia. Epistemé: *Jurnal Pengembangan Ilmu dan Keislaman* 14(2): 299- 256.
- Laffan M. 2016. *Sejarah Islam di Nusantara*. Terj. Indi Aunullah & Rini Nurul Badariah. Yogyakarta: Penerbit Bentang.
- Latifah Abdul Latiff. 2014. The Hadrami Arabs in Malaya before the Second World War. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 23(1): 1- 19
- Latifah Abdul Latiff. 2016. Sumbangan ulama Hadramaut dalam pendidikan dan undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu. *Jurnal Sejarah Islam*, 28(1), 33–45.
- Latifah Abdul Majid. 2021. Shaykh Ahmad Bin Muhammad Zainal-Fatani Intelektual Hubungan Dakwah Antarabangsa. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs* 1(1): 77-89.
- Mandal, Sumit K. 2011. The Significance of the Rediscovery of Arabs in the Malay World. *Comparative Studies of South Asia, Africa and the Middle East*, 31(2), hlm: 296-311
- Mandal, Sumit K. 2014. Arabs in the urban social landscapes of Malaysia: historical connections and Belonging. *Citizenship Studies*, 18(8), hlm: 807–822.
- Masakaree Ardae & Nik Muhammad. 2020. Dinamika Pendidikan Islam Di Selatan Thailand. *Jurnal Kesidang* 5: 64-76.
- Miss Suraiya Sangoh. 2020. Teladan Ulama' Patani (Selatan Thailand). Tesis Sarjana Pendidikan. Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri Padangsidimpuan.
- Mohammad Ali Rabbani. 2013. Faktor Syiah dalam Masuk dan Tersebarnya Islam di Asia Tenggara melalui Arab, India, Persia dan Cina. Dlm. Dicky Sofjan (pnyt) *Sejarah & Budaya Syiah di Asia Tenggara.*, hlm: 33-71 Yogyakarta: Sekolah Pascasarjana Universitas Gadjah Mada.
- Mohd Haidhar Kamarzaman, Zakaria Stapa, Abdull Rahman Mahmood, Indriaty Ismail, Wan Fariza Alyati Wan Zakariya & Mohd Faizul Azmi. 2016. Pengaruh Aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah Al-Asha'irah di Nusantara, Analisis Abad Ke Tujuh Hingga Dua Puluh Masihi. *Jurnal Penyelidikan Islam* 28/2016: 89-111.
- Mohd Puaad Bin Abdul Malik, Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid & Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2019. Pengkategorian Item Penulisan Dalam Karya Fiqh Melayu Klasik: Analisa Awal. *Journal al-Muqaddimah* 7(1): 55-76.
- Mohd Yusri bin Ibrahim, 2019. Mazhab Syafie: Pengaruh Dan Perkembangannya Di Nusantara. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language* 2(8): 51-62.
- Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin, Shahril Nizam Bin Zulkipli, Hamdi Rahman Bin Mohd Yaacob, Muhammad Yusri Bin Yusof @ Salleh, Paiz Bin Hassan, Ab. Munir Bin Mohd Noh & Mohd Muhaizam Bin Md Ishak. 2012. History Of The Arrival Of Islam In Malaysia: An Analysis Of Early Islamic Occupation In Malaysia. Kertas Kerja. The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012: 731- 739.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1993. *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muaz Tanjung, Arik Dwijayanto & Nabil Cheng-Kung Lin. 2021. Genealogy, Diaspora, And Da'wah: The Religious Role of Sheikh Ibrahim al-Hadhramiin Pattani and Java. *Al-Tahir* 21(2): 185 -211.
- Muhammad Ikhsan. 2018. Sejarah Mazhab Fikih Di Asia Tenggara. *Nukhbatul 'Ulum: Jurnal*

*Bidang Kajian Islam* 4 (2): 120-134.

- Muhammad Shahiran Al-Haziq Ismail & Khazri Osman. 2022. Metodologi Dakwah Syeikh Daud Al-Fathani Dalam Karya Penulisannya Di Alam Melayu : Kajian Ringkas Kitab Hidayah Al-Muta'alim Wa U'mdah Al-Mu'allim. Kertas Kerja Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah.
- Noor Farhanah Othman, Muhd. Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin. Perkembangan Pengajian Tafsir al-Quran di Terengganu: Sorotan Tokoh. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 55-69.
- Rohanee Machee & Abdul Basir Mohamad. 2014. Sejarah Kemunculan Undang-undang Keluarga Islam di Selatan Thailand. *Islamiyyat* 36: 81-89
- S.Q. Fatimi. 1963. *Islam Comes To Malaysia*. Singapore : Malaysian Sociological Research Institutue.
- Syamsuri Ali. 2023. Patani and the 15th Century Malay Ulama Network: A Historical Study of the Kitab Tarikh Fathani by Sheikh Faqih Ali al-Fathani. *International Journal of Science and Society*. 5(2): 212-222.
- Syed Alidin bin Hasan Assegaff. 2011. Perjumpaan Mensyuarat Agung Persatuan Kebajikan Asyraf Malaysia. Bukit Goh Kuantan Pahang Malaysia
- Syed Farid Al-Atas. 1997. Hadhramaut and the Hadhrami diaspora: Problems in theoretical history. Dlm. Ulrike Freitag & William Clarence-Smith (pnyt.). *Hadhrami Traders, Scholars and Statesmen in the Indian Ocean, 1750s-1960s*: 19-34. Brill.
- Syed Mohd Jefri. (2021). Migrasi ulama Hadhramaut ke Nusantara: Sejarah dan kesan terhadap Islamisasi. *Journal of Islamic Civilization*, 30(2), 77–95.
- Syed Muhsin Khiruddin Aljunied. 2009. Hadhramis within Malay Activism: The Role of al-Saqqaaf(s) in Post-War Singapore (1945–1965). Dlm. Ahmed Ibrahim Abushouk Hassan Ahmed Ibrahim(pnyt) *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia*, : hlm 225-244. Brill: London.
- Syed Salim bin Syed Shamsuddin. 2018. Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani* 2(1): 27-37.
- Uka Tjandrasasmita, 2002. *Arekologi Islam Nusantara*. Kepustakaan Populer Gramedia: Jakarta.
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir. 1991. Sejarah dan perkembangan pendidikan islam di Terengganu dan pengaruhnya di Dunia Melayu. Kertas Kerja. 14 -17 Julai 1991 di Dewan Konvesyen Wisma Darul-Iman Kuala Terengganu. Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan Jawatan Kuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- Wan Mohd Shaghir Abullah. 1996. *Syeikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.